




SOALAN LAZIM (FAQ) **PERMOHONAN** **PENGGAJIAN** **PEGAWAI DAGANG** **(EKSPATRIAT)** **INDUSTRI PEMBINAAN**



Disediakan oleh:

Unit Personel Binaan

Bahagian Pendaftaran Kontraktor & Personel Binaan

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)

Tingkat 21, CIDB 520, The MET Corporate Towers

No.20, Jalan Dutamas 2

50480 Kuala Lumpur

E: upb@cidb.gov.my

Terbitan: 12 Jun 2026

ISI KANDUNGAN

1.0	Pengenalan dan Tujuan	4
2.0	Singkatan	4
3.0	Tafsiran	4
4.0	BAHAGIAN A: PENGENALAN.....	5
5.0	BAHAGIAN B: SYARAT UMUM PERMOHONAN PROFIL KONTRAKTOR- EKSPATRIAT	7
6.0	BAHAGIAN C: SYARAT KHUSUS PERMOHONAN BAHARU.....	8
7.0	BAHAGIAN D: SYARAT KHUSUS PERMOHONAN PEMBAHARUAN	9
8.0	BAHAGIAN E: PEMBAYARAN CAJ PERMOHONAN	10
9.0	BAHAGIAN F: JANA PROFIL KONTRAKTOR-ESKPATRIAT	11
10.0	BAHAGIAN G: STATUS NAZIRAN / PEMBENTANGAN SYARIKAT	12
11.0	BAHAGIAN H: LAIN-LAIN SOALAN LAZIM.....	13

1.0 Pengenalan dan Tujuan

Soalan lazim (*Frequently Asked Question – FAQ*) ini dibangunkan sebagai rujukan dan panduan umum berkaitan pendaftaran personel binaan.

2.0 Singkatan

Singkatan disusun mengikut abjad seperti berikut:

CIDB	- Construction Industry Development Board
CIMS	- Centralized Information Management System
EP	- Employment Pass
ESD	- Expatriate Services Division
JIM	- Jabatan Imigresen Malaysia
SICW	- Safety Induction Course for Construction Workers
SP	- Special Pass

3.0 Tafsiran

Lembaga

Ertinya Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520)

Personel binaan

Ertinya (a) pekerja binaan am, (b) pekerja binaan separa mahir, (c) pekerja binaan mahir, (d) penyelia tapak, (e) pengurus projek binaan, dan (f) mana-mana pekerja lain dalam industri pembinaan sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga

4.0 BAHAGIAN A: PENGENALAN

A1. S : Apakah dimaksudkan dengan permohonan penggajian pegawai dagang atau ekspatriat industri pembinaan?

J : Permohonan bagi mendapatkan Profil Kontraktor-Ekspatriat dari CIDB sebagai Agensi Kawal Selia (AKS) industri pembinaan

A2. S : Apakah peranan CIDB sebagai AKS?

J : CIDB berperanan sebagai agensi yang memberi khidmat nasihat, membuat semakan, kewajaran penjawatan serta pengesyoran terhadap permohonan penggajian ekspatriat selaras dengan fungsinya seperti yang termaktub di dalam Akta 520, Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994

A3. S : Apakah itu Profil Kontraktor-Ekspatriat?

J : Profil Kontraktor-Ekspatriat merupakan dokumen pengesyoran penggajian ekspatriat yang dikeluarkan oleh pihak CIDB kepada majikan melalui sistem CIMS, selaras dengan fungsi Lembaga, Seksyen 4(1)b bagi jawatan ekspatriat di bawah kawal selia CIDB

A4. S : Apakah Profil Kontraktor-Ekspatriat diperlukan bagi permohonan baharu/pembaharuan semua permit kerja?

J : Tidak. Profil Kontraktor-Ekspatriat diperlukan hanya bagi permohonan baharu atau pembaharuan permit kerja jenis Employment Pass I, II dan III (EPI, EPII, EPIII)

A5. S : Siapakah majikan yang dimaksudkan?

J : Kontraktor bergred G5, G6 dan G7 yang berdaftar dengan CIDB

A6. S : Apakah jawatan ekspatriat yang tersenarai di bawah kawal selia CIDB?

J : Jawatan teknikal dan bukan teknikal ekspatriat yang digajikan oleh majikan

A7. S : Adakah CIDB membuat pengecualian jawatan bagi Profil Kontraktor-Ekspatriat?

J : Ya. Terdapat 4 jawatan yang dikategorikan sebagai bukan bawah seliaan CIDB dan dikecualikan dari mendapatkan Profil Kontraktor-Ekspatriat iaitu:

- i) Jurutera (*Engineer*)
- ii) Arkitek (*Architect*)
- iii) Pereka Dalaman (*Interior Designer*)
- iv) Jurukur Bahan (*Quantity Surveyor*)

A8. S : Apakah tindakan majikan sekiranya ingin memohon jawatan bukan bawah seliaan CIDB?

J : Majikan boleh berurusan secara langsung dengan pihak *Expatriate Services Division* (ESD), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM)

A9. S : Apakah kategori permohonan bagi mendapatkan Profil Kontraktor-Ekspatriat?

J : 2 kategori permohonan iaitu:

- i) Baharu
- ii) Pembaharuan

A10. S : Siapakah yang perlu membuat permohonan penggajian ekspatriat industri pembinaan?

J : Majikan

A11. S : Siapakah yang dibenarkan berurusan dengan pihak CIDB berkaitan permohonan penggajian ekspatriat industri pembinaan?

J : Majikan atau wakil syarikat yang sah dan tersenarai di dalam caruman KWSP syarikat melalui pembuktian salinan kad pengenalan (depan dan belakang) serta surat rasmi yang ditandatangani oleh pihak pengurusan atasan syarikat.

A12. S : Adakah pihak CIDB menerima penglibatan ejen berkaitan permohonan penggajian ekspatriat industri pembinaan?

J : Tidak. Pihak CIDB tidak berurusan dengan pihak ketiga iaitu ejen dalam urusan berkaitan permohonan penggajian ekspatriat industri pembinaan

A13. S : Bagaimanakah cara membuat permohonan Profil Kontraktor-Ekspatriat?

J : Permohonan dibuat secara atas talian melalui ID log masuk dan kata laluan majikan di dalam istem CIMS-CIDB seperti di pautan cims.cidb.gov.my

A14. S : Bagaimanakah cara mendapatkan manual pengguna permohonan Profil Kontraktor-Ekspatriat?

J : Manual pengguna boleh dimuat turun dari laman sesawang rasmi CIMS melalui pautan ini [Guideline Expatriates Application](#)

A15. S : Di manakah pertanyaan, aduan atau cadangan dapat disalurkan?

J : Sila emel ke papd@cidb.gov.my

5.0 BAHAGIAN B: SYARAT UMUM PERMOHONAN PROFIL KONTRAKTOR-EKSPATRIAT

B1. S : Apakah syarat umum permohonan Profil Kontraktor-Ekspatriat?

J : Syarat umum permohonan adalah seperti berikut:

- i) Syarikat kontraktor masih sah berdaftar dengan CIDB
- ii) Syarikat kontraktor yang berdaftar adalah dari gred G5 dan ke atas
- iii) Syarikat kontraktor bebas dari tindakan tatatertib / senarai hitam
- iv) Syarikat kontraktor telah mendapat pengesahan pengisytiharan projek dan bayaran levi (sekiranya berkaitan)
- v) Umur minima ekspatriat adalah 25 tahun
- vi) Mengisi deskripsi tugas dengan lengkap dan menyatakan justifikasi keperluan penjawatan ekspatriat
- vii) Mempunyai kelayakan profesional dan teknikal berdasarkan jawatan yang dimohon serta tahun pengalaman¹ kerja minima ekspatriat seperti berikut:
 - a. Sijil akademik / kemahiran - 10 tahun, atau
 - b. Diploma akademik / kemahiran - 7 tahun, atau
 - c. Ijazah akademik / kemahiran - 5 tahun, atau
 - d. Testimoni dari majikan² - 10 tahun

Nota kaki: 1 – tahun pengalaman kerja dikira dari tarikh graduasi atau tamat pengajian seperti yang tertulis di dalam sijil

Nota kaki 2 – bagi ekspatriat yang tidak memiliki sijil akademik / kemahiran

- viii) Jawatan yang dipohon hendaklah selaras dan berkaitan dengan latar belakang akademik / pengalaman kerja ekspatriat tersebut
- ix) Gaji minimum mengikut jenis permit kerja / pas penggajian seperti berikut (berkuatkuasa 1 Jun 2026):
 - a. EPI - RM20,000 dan ke atas
 - b. EPII - RM10,000 sehingga RM19,999
 - c. EPIII - RM5,000 sehingga RM9,999
- x) Gaji minimum bagi permohonan dengan jawatan Pengarah adalah bersamaan dengan tangga gaji EPI iaitu RM20,000
- xi) Ekspatriat memiliki kepakaran dan kemahiran bersesuaian dengan jawatan yang dipohon
- xii) Memiliki passport / dokumen perjalanan yang sah dari negara yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia
- xiii) Tempoh sah passport hendaklah melebihi 12 bulan semasa permohonan dikemukakan
- xiv) Memuatnaik dokumen yang berkaitan dengan syarat dan kriteria sahaja ke dalam sistem
- xv) Memastikan maklumat yang diisi dan dokumen yang dimuatnaik adalah menepati syarat dan kriteria, betul, selaras dan jelas untuk dibaca

6.0 BAHAGIAN C: SYARAT KHUSUS PERMOHONAN BAHARU

C1. S : Apakah maklumat dan dokumen yang perlu dikemukakan semasa membuat permohonan baharu?

- J : Maklumat dan dokumen yang perlu dimuatnaik adalah seperti berikut:
 - i) Menggunakan maklumat projek yang masih aktif dan dengan tarikh siap projek sekurang-kurangnya 6 bulan dari tarikh permohonan dibuat (dikecualikan untuk permohonan dengan jawatan Pengarah)
 - ii) Bukti kontrak kerja seperti Surat Setuju Terima (SST) / Letter of Award / Purchase Order (PO) / Work Order (WO) / apa-apa perjanjian di antara pihak yang memberi award dan syarikat kontraktor yang memohon
 - iii) Carta organisasi yang lengkap dengan nama, jawatan, perbezaan warna atau label bagi pekerja tempatan dan asing, serta petunjuk carta (*legend*)

- iv) *Curriculum Vitae* (CV) / Resume ekspatriat yang telah dikemaskini
- v) Salinan sijil akademik / sijil kemahiran ekspatriat beserta terjemahannya. Bagi sijil yang bertulisan selain dari Bahasa Inggeris / Bahasa Melayu, salinan tersebut hendaklah disahkan oleh Institut Terjemahan Buku Malaysia (ITBM) / Persatuan Penterjemah Malaysia / pengesahan terjemahan dari pihak kedutaan
- vi) Surat tawaran kerja (*Letter of Offer*) / Surat Lantikan Kerja. Nama, jawatan, nombor passport dan gaji ekspatriat hendaklah sama dengan maklumat yang diisytihar di dalam sistem
- vii) Salinan penuh passport ekspatriat (*full book*) termasuk muka hadapan dan belakang
- viii) Sekiranya ekspatriat bertukar ke passport baharu, lampirkan sesalinan passport terdahulu
- ix) Sekiranya ekspatriat bertukar jawatan, lampirkan salinan EP terdahulu dan surat perletakan jawatan dari majikan terdahulu
- x) Dokumen sokongan berkaitan yang lain:
 - a. SSM e-info / MYDATA terkini bagi permohonan jawatan dengan nama Pengarah
 - b. Surat justifikasi keperluan penggajian ekspatriat dari syarikat

C2. S : Apakah permohonan baharu dibenarkan untuk projek yang di dalam tempoh *Defect Liability Period* (DLP)?

- J : Tidak. Hanya permohonan pembaharuan atau permohonan dengan jawatan Pengarah (nama Pengarah hendaklah tertera di dalam dokumen SSM serta maklumat ini telah dikemaskini di dalam modul pendaftaran kontraktor sistem CIMS) dibenarkan untuk menggunakan projek yang di dalam tempoh DLP

7.0 BAHAGIAN D: SYARAT KHUSUS PERMOHONAN PEMBAHARUAN

D1. S : Apakah syarat-syarat khusus permohonan pembaharuan?

- J : Syarat umum dan syarat khusus permohonan baharu adalah dirujuk dengan penambahan maklumat dan dokumen seperti berikut:
- i) Ekspatriat telah berdaftar sebagai personel binaan dengan CIDB dan memiliki Perakuan Pendaftaran Personel Binaan atau sekurang-

kurangnya memiliki maklumat kehadiran ke kursus SICW / eSICW / eSICW CIDBH

- ii) Salinan EP yang bakal tamat tempoh
- iii) Sekiranya EP telah tamat melebihi 3 bulan, lampirkan salinan *Special Pass* yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM)
- iv) Permohonan diterima sekiranya baki projek kurang dari 6 bulan sewaktu permohonan dibuat di dalam sistem CIMS
- v) Permohonan diterima bagi projek yang di dalam tempoh *Defect Liability Period (DLP)*
- vi) Sekiranya ekspatriat memperbaharui pasport, sila kemaskini nombor pasport baharu di sistem CIMS (dalam ruangan *New Passport Number*) serta masukkan nombor pasport terdahulu di ruangan *Old Passport*

8.0 BAHAGIAN E: PEMBAYARAN CAJ PERMOHONAN

E1. S : Berapakan jumlah caj permohonan untuk Profil Kontraktor-Ekspatriat?

J : Caj permohonan adalah sebanyak RM1,000 bagi setiap ekspatriat

E2. S : Bilakah bayaran permohonan Profil Kontraktor-Ekspatriat dikuatkuasakan?

J : 6hb Mei 2024

E3. S : Bagaimana caj permohonan bagi Profil Kontraktor-Ekspatriat hendak dibuat?

J : Caj permohonan hanya boleh dibayar secara atas talian.

E4. S : Berapakah tempoh masa yang diberikan untuk menyelesaikan bayaran permohonan Profil Kontraktor-Ekspatriat?

J : Setelah Proforma Invois dijana, pemohon diberi tempoh selama 14 hari untuk menyelesaikan bayaran.

- E5. S : Apakah Proforma Invois tersebut masih boleh digunakan untuk bayaran sekiranya tempoh 14 hari untuk pembayaran telah berlalu?**
J : Proforma Invois tersebut akan terbatal secara automatik. Pemohon boleh membatalkan permohonan dan buat permohonan semula dengan lengkap.
- E6. S : Bagaimana syarikat boleh menyemak Proforma Invois atau Resit Bayaran?**
J : Proforma Invois atau Resit Bayaran boleh disemak dan dicetak melalui carian di menu *Personnel Card | Payment History* di dalam sistem CIMS
- E7. S : Adakah bayaran permohonan boleh dituntut semula?**
J : Tidak boleh
- E8. S : Sekiranya permohonan ditolak, adakah bayaran permohonan dipulangkan semula kepada syarikat?**
J : Tidak

9.0 BAHAGIAN F: JANA PROFIL KONTRAKTOR-ESKPATRIAT

- F1. S : Bagaimanakah cara untuk menjana Profil Kontraktor-Ekspatriat?**
J : Janaan Profil boleh dibuat melalui sistem CIMS. Sila rujuk cara untuk jana di manual pengguna
- F2. S : Apakah tindakan seterusnya setelah Profil Kontraktor-Ekspatriat dijana?**
J : Permohonan penggajian ekspatriat boleh diteruskan oleh syarikat bagi mendapatkan Surat Sokongan di Xpats Gateway. Sila layari laman sesawang <https://xpatsgateway.com.my/>
- F3. S : Adakah Profil Kontraktor-Ekspatriat ini mempunyai tempoh sah laku?**
J : Ya. Tempoh sah laku Profil ini adalah selama 90 hari bermula dari tarikh ianya dikeluarkan

F4. S : Apakah kesan sekiranya menggunakan Profil Kontraktor-Ekspatriat yang telah tamat tempoh sah laku di dalam Xpats Gateway?

J : Permohonan Surat Sokongan syarikat akan ditolak

F5. S : Bagaimanakah cara untuk memohon semula Profil Kontraktor-Ekspatriat sekiranya Profil telah tamat tempoh?

J : Syarikat hendaklah mengemukakan dokumen seperti berikut melalui emel:

- i) Surat permohonan pembatalan Profil yang bertandatangan Pengarah Syarikat / Pengurusan Tertinggi Syarikat dengan menyatakan sebab pembatalan
- ii) Salinan Profil Kontraktor-Ekspatriat terdahulu
- iii) Salinan passport ekspatriat

10.0 BAHAGIAN G: STATUS NAZIRAN / PEMBENTANGAN SYARIKAT

G1. S : Apakah yang dimaksudkan dengan permohonan di dalam status Naziran?

J : Status Naziran diberikan kepada permohonan yang telah dibentangkan di dalam mesyuarat pengesyoran. Keperluan naziran adalah untuk mendapatkan maklumat lanjut atau membuat semakan lanjut dokumen.

G2. S : Bilakah Naziran akan dilaksanakan?

J : Naziran dilaksanakan mengikut tetapan Pegawai Naziran CIDB serta tidak memerlukan persetujuan pemohon

G3. S : Apakah yang dimaksudkan dengan permohonan di dalam status Naziran-Pembentangan Syarikat?

J : Naziran-Pembentangan Syarikat merupakan satu bentuk kaedah semakan lanjut permohonan ke atas syarikat dalam bentuk temujanji pembentangan oleh pihak syarikat sama ada secara fizikal atau atas talian

G4. S : Apakah yang perlu dilakukan selepas menerima nota dengan status Naziran-Pembentangan Syarikat?

J : Syarikat hendaklah rujuk nota yang diberikan dan emelkan respon kepada papd@cidb.gov.my. Kemudian, pihak CIDB akan memberikan perincian kepada syarikat untuk menyediakan dokumen berkaitan bagi sesi Pembentangan Syarikat.

G5. S : Bagaimana CIDB melaksanakan sesi Naziran?

J : Naziran boleh dilaksanakan secara bersepadu dengan/tanpa agensi berkaitan secara fizikal atau atas talian atau secara *desktop review*

11.0 BAHAGIAN H: LAIN-LAIN SOALAN LAZIM

H1. S : Berapakah jumlah ekspatriat yang dapat dimohon dalam satu permohonan?

J : Tiada had jumlah ekspatriat dalam satu permohonan. Syarikat hendaklah menunjukkan jumlah ekspatriat dan pekerja tempatan serta kombinasi pekerja di dalam carta organisasi bagi tujuan pemindahan kepakaran / teknologi.

H2. S : Apakah ekspatriat wajib berdaftar sebagai Personel Binaan dengan CIDB?

J : Ya, ekspatriat wajib berdaftar sebagai Personel Binaan CIDB

H3. S : Bagaimanakah cara berdaftar sebagai Personel Binaan CIDB?

J : Syarikat boleh mendaftarkan ekspatriat melalui sistem CIMS dengan merujuk kepada Manual Pengguna Pendaftaran Personel Binaan yang boleh dimuat turun dari laman sesawang CIMS-CIDB

H4. S : Bilakah keputusan permohonan Profil Kontraktor-Ekspatriat boleh disemak?

J : Keputusan permohonan boleh disemak dalam tempoh 7 hari bekerja daripada tarikh permohonan yang lengkap diterima. Profil Kontraktor-Ekspatriat boleh dijana melalui sistem CIMS

- H5. S : Adakah permohonan rayuan boleh dilakukan setelah menerima keputusan ditolak?**
- J : Tidak. Tiada sebarang permohonan rayuan setelah permohonan tersebut ditolak
- H6. S : Mengapakah senarai projek tiada di dalam senarai pilihan sewaktu membuat permohonan?**
- J : Berikut merupakan sebab projek tiada di dalam senarai pilihan:
- i) Projek tidak diisytihar di dalam sistem CIMS-CIDB
 - ii) Projek telah diisytihar dan bayar levi tetapi masih belum disahkan di dalam sistem CIMS-CIDB
 - iii) Projek telah digunakan di dalam permohonan penggajian ekspatriat dan masih di dalam proses semakan, pengesyoran dan keputusan
 - iv) Projek telah dikenakan sekatan di modul ekspatriat sistem CIMS-CIDB
- H7. S : Syarikat telah mengemukakan permohonan menggunakan Projek A, tetapi ingin membuat penambahan permohonan ekspatriat baharu yang lain menggunakan projek yang sama. Bolehkah syarikat mengemukakan permohonan ekspatriat dengan menggunakan Projek A?**
- J : Boleh, setelah keputusan permohonan menggunakan projek tersebut telah diputuskan di dalam mesyuarat
- H8. S : Apakah yang perlu dilakukan sekiranya menerima permohonan berstatus KEMASKINI atau *Application In-Progress* dengan tanda nombor berwarna hijau?**
- J : Syarikat perlu mengemaskini / membuat pembetulan berdasarkan nota yang tertera di *CIDB Remarks*. Kemaskini maklumat yang diisi dan/ dokumen yang dimuat naik kemudian hantar semula dalam tempoh 14 hari (maksimum kemaskini adalah sebanyak 3 kali)
- H9. S : Apakah maklumat dan dokumen yang boleh dikemaskini setelah permohonan berjaya dihantar?**
- J : Semua maklumat yang diisi dan dokumen yang dimuatnaik boleh dikemaskini kecuali maklumat nombor passport ekspatriat dan pilihan projek berbeza

- H10. S : Apakah yang terjadi kepada permohonan dengan maklumat nombor passport ekspatriat yang salah?**
- J : Pengemaskinian nombor passport tidak lagi boleh dibuat. Permohonan akan dibentangkan ke dalam mesyuarat pengesyoran dan permohonan akan ditolak.
- H11. S : Adakah permohonan penggajian ekspatriat ini melibatkan penempatan ekspatriat di Semenanjung Malaysia sahaja?**
- J : Ya, permohonan penggajian ekspatriat ini melibatkan penempatan ekspatriat di Semenanjung Malaysia serta Wilayah Persekutuan Labuan sahaja.
- H12. S : Bolehkah syarikat yang beralamat di Semenanjung Malaysia memilih projek yang berlokasi di Sabah dan/atau Sarawak?**
- J : Tidak boleh, sekiranya ekspatriat yang ingin dipohon akan ditempatkan di Negeri Sabah atau Negeri Sarawak.
- H13. S : Apakah cara syarikat yang beralamat di Semenanjung Malaysia ingin membuat permohonan penggajian ekspatriat dengan pilihan projek yang berlokasi di Sabah dan/atau Sarawak?**
- J : Permohonan penggajian ekspatriat dengan jawatan teknikal (yang akan berada di tapak bina bagi melaksanakan kerja-kerja pembinaan) boleh dibuat secara langsung dengan Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Sabah atau Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Sarawak
- H14. S : Bagaimana ingin membuat permohonan penggajian ekspatriat dengan jawatan bukan teknikal untuk pilihan projek yang berlokasi di Sabah dan/atau Sarawak?**
- J : Sekiranya permohonan penggajian ekspatriat dibuat untuk jawatan bukan teknikal (Contoh: Pengurusan pengoperasian syarikat seperti Pengarah), sila kepilkan surat justifikasi penempatan dan pengoperasian ekspatriat di Semenanjung Malaysia.

